

HADITH SOHEH

Hadith yang diriwayatkan oleh perawi hadith yang adil dan dhabit. Bersambung sanad, tidak ada syaz dan tiada illah.

PEMBAHAGIAN HADITH SOHEH

Soheh lizatih	Soheh lighairih
Diriwayatkan oleh rangkaian perawi yang adil, dhabit, bersambung sanad, tiada syaz dan tiada illah.	Hadith hasan yang disokong oleh riwayat lain yang setaraf dengannya atau yang lebih kuat
Takrif yang sama dengan hadith soheh	Hassan Lizatih yang diangkat martabatnya kerana factor luar iaitu wujud rangkaian sanad yang ramai menampung kekurangan hafazan dan dhabit perawinya.

SYARAT HADITH SOHEH

syarat	Catatan
Adil	Memenuhi kriteria : Islam, baligh, berakal, tidak fasiq dan tidak melakukan perkara yang menjatuhkan maruah
Thabit	Ketetapan kepada perawi: tiada perubahan ingatan jika melalui lisan dan tiada perubahan tulisan jika melalui penulisan. Thabit Kitabi : Mampu menjaga tulisan/catatan hadith yang diterima dengan baik tanpa tanpa kerosakan pada catatan Thabi thifzi: Mampu meriwayatkan hadith kepada sesiapa/bila-bila masa yang diperlukan serta ingat daripada siapa hadith itu diterima
Bersambung sanad	Setiap perawi mestilah menerima hadith dari orang sebelumnya secara langsung dari awal sanad hingga akhirnya Sekiranya sanad terputus mana-mana tabaqat maka hadith tersebut tidak soheh.
Tiada syaz	Tiada percanggahan Antara perawi thiqqah dengan perawi yang lebih thiqqah
Tiada illah	Tiada kecacatan yang boleh menjejaskan kesohehan hadith.

HUKUM BERAMAL DENGAN HADITH SOHEH

- Wajib beramal dengan hadits soheh secara ijmak
- Salah satu hujjah dan sumber syariat yang soheh { tidak boleh meninggalkan atau tidak beramal }

PENGHUJJAHAN HADITH SOHEH


- Boleh dijadikan hujjah dan dalil syara'
- Siapa yang ingkar hukumnya berdosa kerana ia menepati ciri-ciri utama syarat penerimaan sesebuah hadits.

HADIS HASSAN

PENGERTIAN

- Hadith yang diriwayatkan oleh rangkaian perawi hadis yang adil, bersambung sanad, tidak ada syaz dan tiada illah tetapi kurang sempurna dari segi dhabit.

CONTOH :



PEMBAHAGIAN HADIS HASSAN

Hassan Lizatih	Hassan Lighairih
- Hadis yang diriwayatkan oleh rangkaian perawi yang adil, bersambung sanad, tidak ada syaz dan tiada illah tetapi kurang sempurna dari segi dhabit. - Takrifan sama dengan hadis hassan	- Hadis yang asalnya dhaif tetapi diriwayatkan melalui jalan periwayatan yang banyak yang seumpamanya - Disokong oleh riwayat yang lebih kuat daripadanya samada dengan lafazatau makna

	Maka ia akan naik taraf hassan lighairih dengan syarat kedhaifannya bersifat sederhana
--	--

SYARAT HADIS HASSAN

- Perawi hadis hassan dihukum kurang dhabit yang mengurangkan nilai dan martabat sesuatu hadith
- Mesti diriwayatkan oleh perawi yang adil
- Perlu menepati syarat-syarat pada sanadnya iaitu bersambung sanad, tiada kecacatan dan tidak bercanggah dengan hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang lebih thiqqah

HUKUM BERAMAL DENGAN HADIS HASSAN

- Boleh beramal dengannya. Sebagaimana fuqaha' menggunakan hadis hassan sebagai hujjah dan beramal dengannya

PENGHUJJAHAN HADIS HASSAN

- Hukum hadis hassan sama dengan hadis soheh sekalipun darjatnya lebih rendah
- Boleh dijadikan hujjah dan dalil syara' tetapi tidak dapat menandingi kekuatan hujjah hadis soheh.

HADIS DHAIF

PENGERTIAN :

- Hadis dhaif ialah : Hadis yang tidak memenuhi satu atau lebih syarat hadis yang maqbul (diterima) iaitu hadis sahih dan hasan.

CONTOH :

- عن سلمان بن عامر الضبي قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : الصَّائِمُ فِي عِبَادَةٍ ، وَإِنْ كَانَ رَاقِدًا عَلَى فَرَائِثِهِ . (رواه الديلمي)

Sebab dhaif :

Dalam sanadnya terdapat nama **Yahya b. Abdullah b. Al-Zujjaj** dan **Muhammad b. Harun b. Muhammad b. Bakar b. Hilal** yang dikategorikan sebagai perawi majhul (مجهول) iaitu yang tidak diketahui latar belakangnya.

PEMBAHAGIAN HADIS DHAIF:

- Hadis dhaif terbahagi kepada :

1. DHAIF PADA MATAN - Wujud illah yang menyebabkan terjejas hadis	حديث مقلوب - Ada pertukaran perkataan pada sanad atau matan - وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لَا تَعْلَمَ يَمِينُهُ مَا تُنْفِقُ شِمَالُهُ. - متن سبئر : حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ.
	حديث المضطرب - Diriwayat melalui banyak riwayat yg sama kuat tetapi bercanggah antara satu sama lain. - الترمذي : إِنَّ فِي الْمَالِ لَحَقًّا سِوَى الزَّكَاةِ - ابن ماجه : لَيْسَ فِي الْمَالِ حَقٌّ سِوَى الزَّكَاةِ
	حديث المزيد في متصل الأسانيد - Berlaku pertambahan nama perawi di pertengahan sanad yang memang bersambung
	حديث المصحف / المحرف - Pertukaran kalimah kerana kesilapan membaca, menulis , mendengar dan sebagainya. - إِيْتَجَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ - دتوكر كفد : (إِيْتَجَرَ) أوليه ابن لهيعة
	حديث المدرج - Ada pertambahan unsur luar pada sanad atau matan
	حديث المعلل - Ada kecacatan yang mengandungi illah tetapi tidak zahir.
2. DHAIF PADA MATAN - Terputus sanad - Sama ada sedikit atau banyak, sengaja atau tidak, pada awal, pertengahan atau akhir sanad, atau - Wujud illah yang menjejaskan hadis	حديث المعلق - Sanad terputus di peringkat permulaan disebabkan gugur seorang perawi atau lebih
	حديث المرسل Sanad terputus di peringkat sahabat
	حديث المعضل Sanad terputus disebabkan gugur nama dua orang perawi atau lebih secara berturut-turut
	حديث المنقطع Sanad terputus di peringkat sahabat atau pada mana-mana bahagian
	حديث المدلس Terdapat jenayah tadlis (تدليس) dalam periwayatannya.

HUKUM BERAMAL DENGAN HADIS DHAIF.

- Ulama sepakat menetapkan bahawa **tidak boleh berhujah** menggunakan hadis dhaif untuk menetapkan **hukum halal atau haram dalam syarak dan perkara akidah**.
- Kebanyakan ulama berpendapat **boleh beramal dengan hadis dhaif** dalam perkara berkaitan **فضائل الأعمال** (keutamaan beramal) dengan tiga syarat iaitu :
 1. Faktor kedhaifan hadis bersifat dhaif sederhana
 2. Sesuai dengan dasar dan prinsip syariat yang telah dipegang
 3. Diamalkan tanpa meyakini bahawa ia hadis yang disandarkan kepada Rasulullah

TINDAKAN UNTUK MENGGUNAKAN HADIS SAHIF, HASAN DAN DHAIF SEBAGAI PANDUAN DALAM KEHIDUPAN

SASARAN	HADIS SAHIF DAN HADIS HASAN	HADIS DHAIF
INDIVIDU	- Mempelajari hadis sahih dan hasan agar pelaksanaan ibadat tepat mengikut sunnah.	- Menyelidik status hadis sebelum beramal dan berhujah
MASYARAKAT	- Sensitif terhadap isu hadis supaya dapat mengetahui dengan jelas kesahihan hadis	- Memahami syarat tertentu sebelum menggunakan hadis dhaif dalam urusan agama
KERAJAAN	- Institusi agama perlu mendidik masyarakat Islam agar berpegang dengan dalil yang sahih dan menjauhi dalil yang lemah	- Institusi agama perlu member kefahaman kepada masyarakat islam tentang hadis dhaif

LATIH TUBI

BAHAGIAN A

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling tepat tentang syarat hadith soheh.

1. Tiada kecacatan yang boleh menjejaskan kesohehan hadith _____
2. Perawi mestilah menerima hadith dari orang sebelumnya secara langsung daripada awal sanad hingga akhirnya. _____
3. Mampu menjaga tulisan dan catatan hadith yang diterima dengan baik tanpa berlaku kerosakan pada tulisan _____
4. Memenuhi 5 kreteria iaitu Islam, baligh, berakal, tidak fasik dan tidak melakukan perkara yang boleh menjatuhkan maruah _____
5. Tiada percanggahan antara perawi thiqah dengan yang lebih thiqah _____

BAHAGIAN B

1. Jelaskan dua perbezaan antara hadis soheh dan hadis hassan
2. Padankan pernyataan pada bahagian A dengan pernyataan pada bahagian B.

A
Antara ciri hadis dhaif pada sanad
Hadis yang terdapat pertukaran perkataan pada sanad dan matan
Sesuatu kecacatan yang menjejaskan kesahihan hadis
Hukum beramal dengan hadis dhaif

B
Illah (علة)
Sanad terputus
Tidak boleh berhujah
Hadis maqlub (مقلوب)

HADIS DHAIF TIDAK BOLEH DIJADIKAN HUJAH DALAM PERKARA AKIDAH DAN PENETAPAN HUKUM SYARAK
--

2. Jelaskan implikasi yang akan berlaku sekiranya pernyataan di atas tidak dipatuhi.

[4 m]

SKEMA

Bahagian A

1. Tiada l'Ilah
2. Bersambung sanad
3. Dhabit kitabi
4. Adil
5. Tiada syaz

Bahagian B

1. Perbezaan hadis soheh dan hadis hassan

Hadis Soheh	Hadis Hassan
- Menepati kesemua ciri utama dan syarat penerimaan hadis - Darjatnya lebih tinggi daripada hadis hasan	- Diriwayatkan oleh rangkaian perawi hadis yang adil, bersambung sanad, tiada syaz dan tiada illah tetapi kurang sempurna dari segi dhabit - Darjatnya lebih rendah daripada hadis soheh

2. Padanan
3. Kbat : sekiranya pernyataan di atas tidak dipatuhi

ISI	Berlaku perselisihan faham tentang perkara yang berkaitan tentang akidah
HURAIAN	Kerana mengambil hujah daripada dalil yang lemah
HURAIAN LENGKAP	Akibatnya umat islam akan mudah terpengaruh dengan khurafat dan syirik
DALIL	وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ
HURAIAN DALIL	Allah melarang umat islam melakukan perkara syirik kerana ia boleh menyesatkan akidah

RUMUSAN	Oleh itu, benarlah bahawa hadis dhaif tidak boleh dijadikan hujah kerana ia bukan dalil yang diterima